

# Polis Kelantan rampas rokok putih RM1.64j

Berita Harian 28/7/2022 page 16

**Kota Bharu:** Polis Kelantan merampas 900,000 batang rokok putih dengan nilai keseluruhan RM1.64 juta termasuk nilai cukai dalam serbuan di Kampung Pasir Tengah, dekat Wakaf baharu, di sini, awal pagi kelmarin.

Dalam serbuan kira-kira jam 3.30 pagi itu, polis turut merampas sebuah kereta jenis Perodua Kenari yang ditinggalkan penyeludup bersama stok rokok terabit.

Pemangku Ketua Polis negeri, Datuk Muhamad Zaki Harun berkata, terdahulu sepasukan pegawai dan anggota Batalion 7 Pasukan Gerakan Am (PGA7) berpangkalan di Kuantan, Pahang terserempak dua kereta dipandu dalam keadaan laju serta mencurigakan menuju Kampung Pasir Pekan Tengah.

Katanya, anggota kemudian cuba mengkeri dan mengesan kenderaan terbabit, namun menemui satu daripada kereta terbabit di kawasan tebing sungai.

"Kita percaya kereta tanpa nombor pendaftaran itu ditinggalkan dalam keadaan terge-

sa-gesa berikutan pintu sebelah pemandu dibiarkan terbuka, walaupun enjinnya dimatikan.

"Hasil pemeriksaan di dalam kereta dan kawasan sekitar, kita menemui sejumlah rokok dipercayai untuk diseludup," katanya ketika sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kelantan, di sini, semalam.

Sementara itu, dalam kes beraisingan, Muhamad Zaki berkata, pihaknya merampas 2,200 kilogram (kg) daun ketum bernilai RM22,000 melalui Op Tapis di sekatan jalan raya di Batu Melintang, dekat Jeli, kira-kira jam 10 pagi kelmarin.

## Ketum dalam bungkusan

Beliau berkata, semua stok ketum yang dimuatkan ke dalam beberapa bungkusan plastik hitam dirampas selepas ditemui pada bahagian belakang lori yang ditutupi kanvas, dengan kotak gandum sengaja disusun pada bahagian belakang lori dipercayai untuk mengelirukan pihak berkuasa.

"Susulan penemuan bahan ter-



Muhamad Zaki menunjukkan rokok yang dirampas pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kelantan, Kota Bharu, semalam.

(Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

larang itu, polis menahan lelaki berusia 39 tahun yang juga pemandu lori terbabit bersama stok daun ketum yang dibawa dari Baling di Kedah yang dikatakan pasaran sekitar Kelantan.

"Mengikut pengakuan awal, lelaki itu mengaku sudah dua kali membawa daun ketum dari Kedah ke Kelantan dan menerima upah

RM1,000 untuk membawa bahan itu," katanya.

Dalam pada itu, Muhamad Zaki berkata, pihaknya masih menjalankan siasatan untuk mengesan pihak yang dikatakan akan menerima daun ketum terbabit di lokasi ditentukan di Machang.

Kes disiasat mengikut Seksyen 30(3) Akta Racun 1952.